



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

# SIARAN MEDIA

## PERDANA MENTERI TANAM POKOK KE-100 JUTA SEMPENA KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah menyempurnakan penanaman pokok yang ke-100 juta di Taman Herba Parlimen Malaysia pada hari ini. Majlis ini merupakan simbolik ke-100 juta di bawah Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025.

YAB Perdana Menteri menanam pokok kebangsaan Malaysia, pokok Merbau (*Intsia palembanica*) yang merupakan antara spesies pokok yang telah ditanam sepanjang kempen ini selain Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*), Kelempayan (*Neolamarckia cadamba*), Binuang (*Octomeles sumatrana*), Meranti Pasir (*Parashorea densiflora*), Nyatoh Tembaga (*Palaquium leiocarpum*) dan lain-lain.

Dengan sempurnanya majlis penanaman pokok yang ke-100 juta ini menandakan pencapaian program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025, awal daripada sasaran yang ditetapkan, sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai negara yang komited terhadap pemeliharaan alam sekitar, selaras dengan agenda global untuk pembangunan lestari.

Kempen yang dilancarkan pada 5 Januari 2021 turut mendapat kerjasama strategik dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia, Jabatan Hutan Sarawak (JH Sarawak), Jabatan Perhutanan Sabah (JP Sabah), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Yayasan Hijau Malaysia (YHM).

Sehingga kini Malaysia berjaya mencatatkan litupan hutan sebanyak 18 juta hektar atau 54.58 peratus daripada keluasan tanah negara selari dengan komitmen negara di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada 1992, iaitu memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus keluasan tanah negara dilitupi pokok dan kawasan hutan.

JPSM menganggarkan akan terdapat peningkatan kawasan hutan dipulihara sebanyak 20,000 hingga 80,000 hektar menjelang 2025, bergantung kepada jarak penanaman.

Kempen ini adalah bukti komitmen Kerajaan yang berpaksikan kepada prinsip Kemampunan dalam kerangka Malaysia MADANI. Usaha ini bertujuan untuk menyumbang kepada masa hadapan yang lebih hijau dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Program itu bukan sahaja memulihara kepelbagaian biologi yang menjadi khazanah negara malah meningkatkan kualiti persekitaran semula jadi untuk mengurangkan kesan perubahan iklim yang semakin ketara.

Bersempena dengan program ini juga, Pameran Penghijauan Malaysia turut diadakan mulai 9 hingga 11 Disember 2024 di Lobi Utama Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia. Pameran ini melibatkan penyertaan lapan (8) agensi termasuk Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, JPSM, JH Sarawak, JP Sabah, FRIM, YHM, *Malaysia Forest Fund* dan Yayasan Waqaf Malaysia.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Yang Di-Pertua Dewan Rakyat, YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Pendidikan, YB Fadhlina binti Sidek dan Ketua Setiausaha NRES, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim.

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM 10 DISEMBER 2024**